

Adaptasi Pendigitalan dalam Kalangan Pengusaha Agro Makanan di Negeri Perlis

Suhaini Mat Daud,

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Azlini Awang

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Abstrak: Keusahawanan digital kian popular dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula negara sedang berdepan dengan permasalahan isu Covid19. Kajian lepas telah membuktikan bahawa usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah mencapai tahap pengkomputeran yang tinggi tetapi masih bergelut untuk merentasi jurang pendigitalan yang dapat meningkatkan keuntungan perniagaan dan produktiviti dengan ketara. Kehadiran dalam talian bagi kebanyakan PKS juga masih kurang meskipun mempunyai sambungan internet. Oleh itu, satu kajian akan dilaksanakan bertujuan untuk menilai landskap penggunaan teknologi oleh pengusaha agro makanan dan mengenal pasti peluang untuk meningkatkan produktiviti pengusaha agro makanan dan pertumbuhan perniagaan. Kajian yang akan dilaksanakan berbentuk kuantitatif iaitu pengumpulan maklumat melalui pengedaran borang soal selidik dalam kalangan pengusaha agro makanan di Negeri Perlis. Hasil dari kajian ini akan dapat memberi panduan kepada kerajaan negeri terutama agensi yang terlibat didalam pembangunan keusahawanan perusahaan kecil dan sederhana, pihak swasta dan pihak-pihak lain yang berkepentingan didalam merangka pelan pembangunan ekosistem keusahawanan digital khususnya bagi Negeri Perlis.

Kata Kunci: Keusahawanan digital, Agro Makanan, Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)

1.0 PENGENALAN

Pembangunan teknologi digital dalam perniagaan telah membuka lanskap baharu dalam kalangan usahawan terutama dalam kepelbagaian peluang perniagaan. Pada tahun 2021, Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) telah mencatat kenaikan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.1% dan dianggarkan mencapai RM68 billion (Laporan Tahunan PKS, 2018). Selain itu, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa ekonomi digital menyumbang sebanyak 18.2% kepada KDNK pada tahun 2016. Pada tahun 2015, sumbangan e-dagang kepada KDNK telah meningkat sebanyak 5.9% dan telah meningkat sebanyak 0.2% kepada 6.1% pada tahun 2016. Seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-sebelas (RMK-11), sumbangan e-dagang kepada KDNK Malaysia adalah salah satu yang tertinggi di rantau ASEAN. Ia dijangka meningkat sebanyak 11.0% kepada RM144 bilion menjelang tahun 2020.

Menurut Simon (2023), seramai 33.03 juta rakyat Malaysia menggunakan internet hari ini dan pengguna tertinggi internet adalah pada peringkat umur 25 hingga 34 tahun iaitu sebanyak 17.6% daripada populasi rakyat Malaysia. Selain itu, didapati sebanyak 80 peratus penduduk Malaysia yang berumur antara 16 dan 64 tahun sudah membeli-belah dalam talian (*Global Web Index*, 2022). Menurutny lagi penduduk Malaysia lebih banyak berbelanja dan melakukan pembelian dalam talian berbanding dengan kebanyakan negara jirannya di Asia Tenggara. Ini menunjukkan landskap ekonomi digital di Malaysia kian berkembang pesat. Ini memberi peluang kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) berkembang dengan ekosistem persekitaran digital yang mapan. Ini kerana pertumbuhan ekonomi dalam negara disumbangkan oleh PKS. Selain memberi banyak manfaat kepada

pertumbuhan ekonomi negara, PKS juga turut membantu menurunkan kadar pengangguran di Malaysia bagi kawasan luar bandar khususnya.

Pernyataan Masalah

Hakikat bahawa banyak PKS tidak dapat mengekalkan perniagaan tidak lagi boleh dinafikan. Menurut Mustapha & Sorooshian, (2019) sebanyak 50% PKS gagal dalam tempoh lima tahun pertama selepas bermula perniagaan dan 70% PKS gagal diteruskan selepas tahun penubuhan. Di Negeri Perlis, bilangan perusahaan kecil dan sederhana dari tahun 2018-2022 didapati tiada peningkatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Merujuk statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Perlis mencatatkan bilangan PKS yang ketiga terendah daripada negeri-negeri lain di Malaysia iaitu sebanyak 6808 PKS (rujuk jadual 1). Ini menunjukkan PKS di Negeri Perlis perlu diberikan perhatian dan bantuan agar mereka berdaya saing dan kekal di dalam pasaran.

Jadual 1: Bilangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Jumlah PKS	Peratus (%)
1	Selangor	179,271	19.8
2	WP Kuala Lumpur	133,703	14.7
3	Johor	98,190	10.8
4	Perak	75,140	8.3
5	Pulau Pinang	66,921	7.4
6	Sarawak	61,036	6.7
7	Sabah	55,702	6.2
8	Kedah	48,894	5.4
9	Kelantan	46,618	5.1
10	Pahang	37,573	4.1
11	Negeri Sembilan	32,721	3.6
12	Melaka	31,361	3.5
13	Terengganu	29,324	3.2
14	Perlis	6,808	0.8
15	WP Labuan	2,567	0.3
16	WP Putrajaya	1,236	0.1

Sumber: Laporan Tinjauan PKS 2019/2020

Kegagalan PKS mengharungi cabaran harus dipandang serius oleh pihak berkepentingan. Terutamanya cabaran PKS mendepani landskap persaingan ekonomi digital. Berdasarkan kaji selidik pendigitalan terhadap PKS pada tahun 2018 yang dilaksanakan SME Corp dan Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd, kebanyakan PKS menggunakan komputer dan internet dalam pengurusan perniagaan (Laporan Tahunan PKS, 2018). Dapatan kaji selidik ini juga turut mendedahkan permasalahan dari aspek penambahbaikan pengurusan perniagaan daripada konvensional kepada digitalisasi. Hashim, (2015) didalam dapatan kajiannya terhadap 383 pengusaha PKS menunjukkan bahawa tahap kemahiran komunikasi teknologi maklumat yang dimiliki oleh pengusaha PKS adalah rendah kerana mereka mendapati bahawa penggunaan teknologi tersebut adalah sukar.

Di samping itu juga, isu-isu seperti infrastruktur, teknologi, kos dan kemahiran penggunaan digital dalam pengurusan perniagaan adalah antara permasalahan yang sering dihadapi oleh PKS (Laporan PKS, 2018). Namun begitu agensi seperti INSKEN (Institut Keusahawanan Negara), SME Corp dan Institut Koperasi Malaysia (IKM), FAMA dan MDEC (Malaysia Digital Economic

Corporation) telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan kursus secara dalam talian sebagai inisiatif membantu usahawan PKS dalam aplikasi digital. Oleh itu adalah satu keperluan untuk mengkaji adaptasi pendigitalan dalam kalangan PKS.

Untuk itu, objektif perlaksanaan kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti faktor-faktor kestabilan PKS dalam landskap ekonomi digital
2. Mengukur tahap literasi dan pengetahuan, kemahiran dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan PKS.
3. Mencadangkan model pembangunan ekosistem digital dalam kalangan PKS.

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini akan dapat membantu usahawan PKS dan agensi-agensi yang berkepentingan dalam pembangunan keusahawanan dari segi input dan maklumat. Secara khususnya usahawan PKS akan dapat merancang strategi operasi perniagaan merancang strategi operasi perniagaan mereka supaya dapat mengembangkan perniagaan melalui teknologi digital.

Kedua, agensi berkepentingan dapat mengenalpasti faktor tolakan dan faktor tarikan yang menghalang usahawan PKS daripada terlibat dalam pendigitalan perniagaan. Selain itu, penghasilan garis panduan atau pelan sokongan akan dapat dihasilkan dan menjadi rujukan kepada para usahawan PKS supaya mereka dapat bersaing secara kompetitif sehingga ke peringkat global. Ketiga, institusi pendidikan boleh membantu usahawan PKS untuk mempelajari ilmu digital dalam perniagaan melalui program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pendigitalan Perniagaan

Menurut Bukht & Heeks, (2018) pendigitalan perniagaan adalah transformasi proses perniagaan yang termasuk urusan niaga, perkhidmatan, pengurusan pelanggan dan maklum balas dalam persekitaran digital yang lengkap. Memandangkan pendigitalan semakin meningkat di seluruh dunia, PKS di Malaysia yang mewakili 98.5% daripada jumlah pertubuhan, perlu mula menggunakan teknologi digital jika mereka ingin memacu pertumbuhan ekonomi negara dan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan bahawa pertumbuhan digital adalah faktor utama yang daya saing PKS dalam pasaran. Halangan infrastruktur, bebanan pengawalseliaan dan pentadbiran, kekurangan akses kepada pembiayaan dan kurang kemahiran digital dalam tenaga kerja adalah antara faktor yang dikenalpasti mengurangkan daya saing mereka di dalam pasaran (Laporan PKS, 2018).

Adaptasi kemahiran teknologi digital dalam kalangan pengusaha PKS

Tidak dapat dinafikan lagi teknologi maklumat, komunikasi dan pendigitalan dalam bidang keusahawanan adalah penting. Ini menjadikan pasaran sangat kompetitif dan usahawan PKS perlu bertahan dalam menghadapi persaingan perniagaan yang semakin meningkat setiap hari dalam

keadaan ekonomi yang kian mencabar ini. Bagi perniagaan yang menggunakan perkhidmatan e-dagang dikatakan mempunyai keupayaan untuk membawa perniagaan mereka pergi lebih jauh dengan memasuki pasaran lebih besar dan meningkatkan jualan produk mereka berbanding pasaran tempatan yang lebih terhad (Omar, A.Rahim, & Dimyati, 2019). Situasi ini menunjukkan betapa pentingnya penglibatan internet dalam bidang keusahawanan yang mempunyai keupayaan untuk mengubah corak perniagaan konvensional.


Menurut Rashid & Samat, (2019), terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi penggunaan teknologi orang ramai. In termasuklah tahap kemahiran yang dimiliki oleh seseorang untuk menggunakan teknologi, keupayaan untuk mengendalikan peralatan teknologi dan pandangan yang tidak jelas tentang faedah teknologi. Didapati bahawa usahawan memahami akan pentingnya teknologi dalam pengurusan perniagaan, tetapi tidak ramai dalam kalangan usahawan tersebut menggunakan teknologi dalam perniagaan mereka.

Adaptasi pendigitalan perniagaan dari aspek penggunaan dalam kalangan pengusaha PKS

Menurut Ansong & Boateng, (2019), perdagangan digital atau e-dagang didefinisikan sebagai perniagaan atau urusan yang menggunakan infrastruktur dan peralatan komunikasi dan teknologi maklumat sebagai medium untuk berkomunikasi dan melakukan transaksi perniagaan. Ali (2018) berkata, urusan digital juga dirujuk sebagai *e-commerce* (electronic commerce) merujuk kepada perdagangan atau transaksi perniagaan yang dijalankan melalui medium elektronik. Ia termasuk pelbagai interaksi elektronik yang menghubungkan organisasi perniagaan dengan jaringan perniagaan atas dan bawah. Pengilang, pembekal, pemborong, ejen dan pengguna adalah pihak yang terlibat dalam jaringan ini. Perdagangan elektronik atau e-dagang ialah satu sistem perniagaan yang berurusan dengan pelanggan menggunakan teknologi maklumat, terutamanya internet dan telefon pintar untuk berkomunikasi dengan pelanggan. Ia merupakan kegiatan perniagaan yang menggunakan internet sebagai alat pemasaran untuk mencapai potensi jualan di seluruh dunia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bagi kajian ini, satu kerangka konsep telah dibentuk seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Cadangan Kerangka Konsep

Terdapat dua jenis pemboleh ubah untuk kajian ini iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Permboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pengetahuan teknologi digital, kemahiran teknologi digital dan penggunaan teknologi digital. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah adaptasi digital dalam kalangan PKS. Kajian kuantitatif akan dijalankan menggunakan tinjauan secara bersemuka dan tinjauan melalui dalam talian. Rubin dan Babbie, (2017) menyatakan bahawa kaedah tinjauan adalah kaedah pengumpulan data yang paling berkesan dalam sesuatu kajian sains social. Ini kerana kaedah ini mempunyai keupayaan untuk memberikan penjelasan yang tepat untuk mewakili populasi yang besar. Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik yang akan digunakan untuk mendapatkan data. Pemilik Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) akan menjadi responden kajian ini. Kajian ini akan dijalankan di Negeri Perlis di mana ia akan dibahagikan kepada 3 kawasan Parlimen iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar. Data yang diperolehi akan dianalisa menggunakan *IBM SPSS* dan *Partial Least Square Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*.

4.0 Perbincangan dan Cadangan Kajian Akan Datang

Kertas kajian konsep ini telah memberikan kefahaman yang jelas tentang peranan dan pengaruh pengetahuan, kemahiran dan penggunaan teknologi digital terhadap kestabilan PKS di dalam pasaran. Kajian ini juga turut menjelaskan pengaruh adaptasi digital dalam meningkatkan kestabilan PKS.

Bagi cadangan kajian akan datang, dicadangkan agar kajian ini dipanjangkan dengan melaksanakan kajian secara empirikal untuk mengukur pengaruh pengetahuan, kemahiran, penggunaan teknologi digital dan adaptasi digital terhadap kestabilan PKS di dalam pasaran. Selain itu, dicadangkan juga kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan penglibatan responden lebih daripada satu negeri sahaja.

RUJUKAN

- Ansong, E., & Boateng, R. (2019). Surviving in the digital era—business models of digital enterprises in a developing economy. *Digital Policy, Regulation, and Governance*.
- Bukht, R., & Heeks, R. (2018). Defining, Conceptualizing and Measuring the Digital Economy. *International Organisations Research Journal*, vol. 13, no 2. DOI, 10, 1996-7845.
- Hashim, J. (2007). Information communication technology (ICT) adoption among SME owners in Malaysia. *International Journal of Business and Information*, 2(2). pg 221-240
- Index, G. W. (2018). Social: Global Web Index's Flagship Report on The Latest Trends in social media.
- Index, G. W. (2022). Social: Global Web Index's Flagship Report on The Latest Trends in social media.
- Laporan Tinjauan PKS 2019/2020. SME Corp Malaysia. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>
- Laporan Tahunan PKS (2017). SME Corp Malaysia. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/laporan-tahunan>
- Laporan Tahunan PKS (2018). Artikel khas kaji selidik pendigitalan terhadap PKS pada tahun 2018. Politeknik Kuching Sarawak.



- Mustapha, N. M., & Sorooshian, S. (2019). SME performance measurement: A technical review of Malaysia. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8(8), 1808-1812.
- Nor Aslamiah Ali (2014). E-commerce dan laman web untuk perniagaan kecil dan sederhana satu keputusan bijak. *Dimensi Koop*, 44, 64-69
- Omar, F. I., A.Rahim, S., & Dimyati. (2019). Analisis Pola Penyertaan Digital ICT dan Transformasi Keusahawanan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 314–330.
- Rashid, S. M. R. A., & Samat, N. (2019). The Role and Implementation of ICT in Empowering Rural Women Entrepreneurs in Malaysia. *AKADEMIKA*.
- Rubin, A., & Babbie, E. R. (2017). Why study research? In *Research Methods for Social Worker*.
- Simon, K. (2023, February 13). Digital 2023: Malaysia. <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>